A

Mohd Nazrul bin Maamor lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42S(A)-1–09 TAHUN 2023
WENDY OOI PK
26 NOVEMBER 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Seksyen 376A Kanun Keseksaan — Sama ada terdapat kemasukan kemaluan tertuduh ke dalam kemaluan mangsa — Sama ada keterangan pegawai perubatan mengenai koyakan selaput dara mangsa memihak kepada tertuduh — Sama ada terdapat percanggahan dalam keterangan mangsa — Sama ada terdapat kemungkinan mangsa melakukan hubungan seks dengan orang lain — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam memutuskan pembelaan perayu adalah penafian kosong — Sama ada hukuman yang dijatuhkan terlampau berat

D

E

Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') ke atas perayu bagi pertuduhan di bawah s 376A Kanun Keseksaan ('KK'). Mangsa ('SP1'), seorang pelajar disebuah kolej telah diarahkan mengosongkan asramanya didiaminya ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Pertama ('PKP-Fasa 1'). Oleh kerana tidak dapat balik ke rumahnya di Pulau Pinang, SP1 telah diambil oleh kakaknya Norazira bt Nasuha ('SD2') dan dibawa ke apartment kakaknya ('apartment tersebut'). Apartment tersebut adalah disewa oleh SD2 dan perayu. Menurut keterangan SP1, semasa SP1 sedang tidur di dalam biliknya, perayu telah mengetuk pintu bilik dan menyuruh SP1 pergi ke bilik satu lagi iaitu bilik kakaknya dan perayu ('bilik kakaknya'). Menurut SP1, sepanjang PKP-Fasa 1, setiap kali SD2 pergi kerja, SP1 akan disuruh oleh SD2 untuk tidur di bilik kakaknya kerana menurut SD2, bilik yang didiami SP1 adalah panas. Oleh itu, pada hari kejadian, SP1 pun masuk ke bilik kakaknya kerana ingatkan kakaknya masih di rumah dan beliau yang menyuruhnya berbuat demikian. Dalam keadaan yang tak larat oleh kerana tidak sihat, SP1 pun bangun dan pergi tidur di bilik kakaknya itu. Semasa SP1 sedang tidur, perayu telah memegang SP1 daripada belakang dan tarik pusingkan SP1 dengan memegang bahu kanan SP1 untuk terlentangkan beliau. Kemudian kedua-dua tangan perayu telah memegang kedua-dua buah dada SP1 dan terus membuka baju dan seluar dia sendiri. Selepas itu, perayu telah membuka dan seluar dalam SP1 secara paksa dan cuba masukkan kemaluannya ke dalama kemaluan SP1 tapi susah. Oleh itu, perayu telah meletakkan lotion di kemaluan SP1 dan seterusnya perayu masukkan kemaluannya secara paksa. Perbuatan perayu telah menyebabkan SP1 merasa sakit di bahagian kemaluannya. Selepas itu,

F

G

H

I

pada hari yang sama, SP1 telah menelefon kakak sulongnya yang bernama Norhaslina bt Nasuha ('SP3') dan mengajak SP3 mengambilnya dari rumah SD2. Menurut SP3, sepanjang SP1 menetap di rumahnya itu, SP1 sering berada dalam bilik tidur dan menangis. Empat hari kemudian, SP1 telah memberitahu SP3 apa yang telah dilakukan oleh perayu ke atas dirinya. Berikutan itu, SP3 telah membawa SP1 ke hospital dimana pegawai perubatan di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi ('SP6') telah mendapati terdapat kesan koyakan baru di selaput dara SP1 berdasarkan laporan perubatannya ('eksh P12'). Lanjutan satu laporan polis, perayu telah ditangkap. Di Mahkamah Tinggi, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara lima belas tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan terhadap perayu. Oleh itu rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (a) sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan isu kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP1; (b) sama ada isu berkaitan koyakan selaput dara mangsa dan keterangan SP6 serta eksh P12 tidak menyokong keterangan SP1, sebaliknya menyokong keterangan perayu; (c) sama ada ketiadaan keputusan vaginal swab menjejaskan kes pendakwaan; (d) sama ada kredibiliti SP1 dipertikaikan kerana terdapat percanggahan dalam keterangannya; (e) sama ada keterangan mengenai kesan lebam, koyakan serta usaha melarikan diri dari perayu adalah releven; (f) sama ada terdapat kemungkinan SP1 telah melakukan hubungan seks dengan orang lain iaitu SP4 (teman lelaki SP1); (g) sama ada perayu dijadikan kambing hitam dan mangsa keadaan; (h) sama ada hakim bicara terkhilaf apabila memutuskan pembelaan perayu adalah penafian kosong semata-mata; dan (i) sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlampau berat.

Diputuskan, menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) SP1 mengakui beliau tidak tahu sama ada kemaluan perayu telah masuk ke dalam kemaluannya kerana beliau telah menutup matanya pada masa kejadian. Walau bagaimanapun, perayu juga tidak membuat apa-apa cadangan kepada SP1 bahawa sebenarnya adalah jari perayu dan bukannya kemaluan yang masuk ke dalam kemaluan SP1. Tanpa cadangan tersebut, mahkamah tidak boleh membuat dapatan tentang kemungkinan tersebut (lihat perenggan 42 & 44).

(2) SP6 telah memberi keterangan bahawa maksud koyakan baru ialah apabila koyakan tersebut masih merah dan ada pendarahan. Sebaliknya koyakan lama akan kelihatan sembuh, tiada merah dan tiada pendarahan. SP6 juga telah menjelaskan bahawa setiap orang mempunyai masa yang berbeza untuk proses penyembuhan, maka SP6 tidak dapat memberi komen waktu berlakunya kecederaan tersebut serta tidak dapat menentukan bila koyakan baru akan bertukar menjadi koyakan lama. Oleh itu, ia bukan satu 'hard and fast rule' bahawa selepas

72 jam dari masa kejadian, koyakan yang wujud adalah koyakan lama. Maka, hujahan perayu berkaitan isu ini adalah tidak bermerit (lihat perenggan 51–52, 57 & 63).

(3) Bagi pembuktian elemen persetubuhan, adalah memadai sekiranya dikemukakan keterangan mengenai 'penetration' atau pun kemasukan. Berkaitan pembuktian 'penetration' ini pun, ia tidak semestinya bermaksud kemasukan penuh ('full penetration') sebelum elemen tersebut dibuktikan. Malah, biarpun dalam kesalahan rogol sekalipun, kehadiran air mani bukanlah merupakan satu keperluan undang-undang bagi membuktikan kesalahan tersebut. Apa yang diperlukan ialah kemasukan ('penetration') dan bukannya terpancutnya air mani. Oleh itu, hujahan pihak perayu mengenai isu ketiadaan keputusan vaginal swab adalah tidak bermerit (lihat perenggan 66–67 & 69).

(4) Keterangan SP1 mengenai kejadian yang telah berlaku turut disokong oleh keterangan SP6 serta laporan perubatannya (eksh P12). Malah, keterangan SP3 (kakak sulung mangsa) serta SP4 (teman lelaki SP1) turut menyokong keterangan SP1. Berbanding dengan mahkamah ini, hakim bicara yang mempunyai kelebihan audio-visual terhadap setiap saksi semasa mereka memberi keterangan di mahkamah telah dapat membuat penilaian yang lebih tepat berhubung kredibiliti mereka. Oleh itu, percanggahan keterangan SP1 adalah tidak fatal sehingga mengakibatkan kredibiliti SP1 (lihat perenggan 72 & 74).

(5) Di dalam rayuan ini, perayu tidak dituduh dengan kesalahan rogol di bawah s 376 KK. Maka, isu berkaitan ketiadaan kesan lebam di peha SP1 akibat cubaan perayu membukanya biarpun ditutup rapat oleh SP1 ataupun koyakan di baju SP1 adalah tidak releven. Begitu juga dengan tiada cubaan SP1 untuk melarikan diri selepas kejadian. Keterangan mengenai kesan lebam, koyakan serta usaha melarikan diri dari pesalahlaku hanya releven dalam kes-kes rogol yang melibatkan elemen kerelaan perempuan (mangsa) tersebut. Sebagai bandingan, elemen-elemen yang perlu dibuktikan dalam kesalahan sumbang mahram adalah persetubuhan di antara lelaki dan perempuan di mana hubungan mereka berdua ini adalah tidak dibenarkan, di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu. Isu kerelaan perempuan bukan satu elemen yang perlu dibuktikan di bawah kesalahan sumbang mahram ini (lihat perenggan 77–81).

(6) Tanpa keterangan bahawa SP1 pernah keluar rumah semasa menetap di rumah SP3, mahkamah ini tidak boleh membuat andaian bahawa SP1 melakukan hubungan seks dengan orang lain telah berlaku. Memandangkan waktu tersebut adalah PKP Fasa-1, maka SP4 yang berada di Johor langsung tidak dapat berjumpa dengan

SP1.Justeru, tidak terdapat peluang untuk SP1 melakukan hubungan seks dengan orang lain (lihat perenggan 99 & 102–103).

(7) SP1 adalah seorang pelajar berumur 19 tahun (pada masa kejadian) dengan masa depan yang cerah, mempunyai teman lelaki (SP4) dan keluarga yang amat menyayanginya serta pertalian rapat dengan kakak-kakaknya termasuk isteri perayu (SD2). Malah menurut SD2, SP1 adalah adik kandung yang paling rapat dengannya. Oleh yang demikian, tidak ada sebab munasabah untuk SP1 mengorbankan kesemua ini serta mengkhianati SD2 di samping menghancurkan rumahtangga kakaknya yang baru didirikan satu bulan sebelumnya, semata-mata untuk menjadikan perayu kambing hitam. Oleh itu, isu perayu dijadikan kambing hitam dan mangsa keadaan adalah tidak bermerit (lihat perenggan 105–106 & 108).

(8) Sememangnya perayu tidak dibebankan untuk membuktikan ketidakbersalahannya, namun adalah prinsip am undang-undang bahawa seseorang tertuduh harus membangkitkan dan/atau mencadangkan pembelaannya seawal mungkin di peringkat pendakwaan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan mahkamah bicara menolak suatu pembelaan sebagai pemikiran terkemudian, rekaan atau penafian semata-mata. Dalam pada itu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan pembelaan perayu adalah penafian kosong semata-mata dan mendapati perayu adalah bersalah dan mensabitkan perayu dengan kesalahan sepertimana yang dipertuduhkan (lihat perenggan 123 & 125).

(9) Kesalahan di bawah s 376A KK adalah suatu kesalahan yang serius di mana hukuman yang diperuntukkan di bawah s 376(B) KK adalah pemenjaraan adalah tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan. Dalam pada itu, hukuman pemenjaraan selama lima belas tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan sebagaimana yang dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu masih di dalam ruang lingkup s 376(B) KK. Oleh itu, hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah tidak keterlaluan sebaliknya adalah setimpal dengan kesalahan perayu. Oleh itu tidak ada sebarang alasan untuk mahkamah ini menganggu keputusan hakim bicara (lihat perenggan 130, 132 & 137).

[English summary

This was the appeal by the appellant against the conviction and sentence by the High Court ('trial judge') against the appellant for the charge under s 376A of the Penal Code ('PC'). The victim ('PW1'), a student at college, was ordered to vacate her dormitory following the First Phase of the Movement Control Order ('MCO-Phase 1'). Unable to return to her home in Penang, PW1 was picked up by her sister Norazira bt Nasuha ('DW2') and taken to her sister's apartment

('the apartment'). The apartment was rented by DW2 and the appellant. According to the testimony of PW1, when PW1 was sleeping in her room, the appellant knocked on the door of the room and told PW1 to go to another room which was her sister's room and the appellant's ('her sister's room'). According to PW1, during MCO-Phase 1, whenever DW2 went to work, PW1 would be told by DW2 to sleep in her sister's room because according to DW2, the room PW1 lived in was humid. Therefore, on the day of the incident, PW1 entered her sister's room because he reminded her that her sister was still at home and he was the one who told her to do so. PW1 woke up in sick mode and went to sleep in her sister's room. When PW1 was sleeping, the appellant held PW1 from behind and pulled PW1 around by holding PW1's right shoulder to stretch him down. Then, the appellant grabbed both PW1's breasts using both of his hands and proceeded to open his own shirt and pants. After that, the appellant forcibly unbuttoned PW1's underwear and tried to insert his genitals into PW1's genitals, but it was difficult. Therefore, the appellant had placed lotion on PW1's genitals and subsequently inserted his genitals forcibly. The appellant's actions had caused PW1 to feel pain in her genitals. Later, on the same day, PW1 called his eldest sister Norhaslina bt Nasuha ('PW3') and asked PW3 to pick him up from DW2's house. According to PW3, during the time when PW1 lived in his house, PW1 was often seen in the bedroom crying. Four days later, PW1 told PW3 what the appellant had done to him. Following this, PW3 took PW1 to the hospital where medical officers at the Department of Obstetrics and Gynaecology ('PW6') found a new tear mark on PW1's hymen based on his medical report ('exh P12'). Following police report, the appellant had been arrested. At the High Court, the trial judge sentenced the appellant to fifteen years' imprisonment from the date of conviction and three strokes of whipping. Hence this appeal. The issues raised for the court's consideration were: (a) whether the trial judge failed to consider the issue of the appellant's genitals being inserted into the PW1 genitals; (b) whether the issues related to the victim's hymen tear and the evidence of PW6 and exhibit P12 did not support the evidence of PW1, but rather supported the appellant's testimony; (c) whether the absence of vaginal swab results affected the prosecution's case; (d) whether the credibility of PW1 was disputed because there was a discrepancy in her statement; (e) whether the evidence of bruises, lacerations and attempt to escape from the appellant was relevant; (f) whether there was a possibility that PW1 has had sex with another person ie PW4 (PW1's boyfriend); (g) whether the appellant was made a scapegoat and a victim of circumstances; (h) whether the trial judge erred in deciding that the appellant's defence was a bare denial; and (i) whether the sentence handed down by the trial judge was excessive.

Held, dismissing appeal; affirming conviction and sentence:

(1) PW1 admitted that he did not know whether the appellant's genitals had entered his genitals as she had closed his eyes at the time of the incident.

However, the appellant also did not make any suggestion to PW1 that it was actually the appellant's finger and not the genitals that went into PW1's genitals. Without such suggestion, the court could not make a finding on such a possibility (see paras 42 & 44).

(2) PW6 had testified that the meaning of a new tear was when the tear is still red and there is bleeding. On the other hand, the old tear would appear to be healed, there was no redness and no bleeding. PW6 had also explained that everyone has different time for the healing process, so PW6 could not comment on the time of the injury and could not determine when a new tear would turn into an old tear. Therefore, it was not a hard and fast rule that after 72 hours from the time of the incident, the tear that existed was an old tear. Therefore, the appellant's submissions on this issue was meritless (see paras 51–52, 57 & 63).

(3) To prove the element of intercourse, it was sufficient to show penetration as evidence. On the proof of penetration, it does not necessarily mean full penetration before the element was proven. In fact, even in the rape cases, the presence of semen was not a legal requirement to prove the offence. What was needed was penetration rather than ejaculation. Therefore, the appellant's submission on the issue of the absence of vaginal swab results was meritless (see paras 66–67 & 69).

(4) PW1's testimony on the incident was also supported by PW6's testimony and his medical report (exh P12). In fact, the testimony of PW3 (the victim's eldest sister) and PW4 (SP1's boyfriend) also supported the testimony of PW1. Compared to this court, trial judges had an audio-visual advantage over each witness as they testify in court to have been able to make accurate assessment of their credibility. Therefore, the discrepancy of PW1's testimony was not fatal as to the credibility of PW1 (see paras 72 & 74).

(5) In this appeal, the appellant was not charged with the offence of rape under s 376 of the Penal Code. Therefore, the issue related to the absence of bruises on the PW1's thighs due to the appellant's attempt to spread it even though it was tightly hold by PW1 or tears on PW1's shirt was not relevant. Likewise, there was no attempt by PW1 to escape after the incident. Descriptions of bruises, tears and attempts to escape from the perpetrator were only relevant in rape cases involving the female (victim) voluntary element. In comparison, the elements that needed to be proven in the offence of incest was intercourse between a man and a woman where the relationship between the two of them was not allowed, under the law, religious law or custom relevant for the man and the woman, to marry that person. The issue of women's willingness was not an element that needed to be proven under this offence of incest (see paras 77–81).

(6) Without the evidence that PW1 ever left the house while residing in

PW3's house, this court could not make the assumption that PW1 had sex with another person. Since that time was MCO Phase-1, PW4 was in Johor and could not meet PW1 at all. Thus, there was no opportunity for PW1 to have sex with another person (see paras 99 & 102–103).

(7) PW1 was a 19-year-old student (at the time of the incident) with a bright future, had a boyfriend (PW4) and a family who loves him very much and had close relationship with his sisters including the appellant's wife (DW2). In fact, according to DW2, PW1 was the closest sibling to her. Therefore, there was no reasonable reason for PW1 to sacrifice all this and betray DW2 while destroying her sister's marriage that had just been established one month earlier, just to make the appellant a scapegoat. Therefore, the issue of the appellant being made a scapegoat and the victim of the situation was of no merit (see paras 105–106 & 108).

(8) The appellant was not burdened to prove his innocence, but it was a general principle of law that an accused should raise and/or put his defence as early as possible at the prosecution stage. Failure to do so would cause the trial court to dismiss a defence as an afterthought, fabrication or bare denial. In the meantime, the trial judge did not err in ruling that the appellant's defence was a bare denial and found the appellant guilty and convicted the appellant of the offence as charged (see paras 123 & 125).

(9) An offence under s 376A of the Penal Code was a serious offence where the penalty provided under s 376(B) of the Penal Code was imprisonment for not less than ten years and not more than thirty years and shall also be liable to whipping. Meanwhile, the sentence of imprisonment for fifteen years from the date of the sentence and three strokes of the whipping as imposed by the trial judge on the appellant was still within the scope of s 376(B) of the Penal Code. Therefore, the sentence handed down by the trial judge was not excessive but on the contrary, commensurate with the appellant's offence. Therefore there was no reason for this court to interfere with the decision of the trial judge (see paras 130, 132 & 137).]

Kes-kes yang dirujuk

Bato Bagi & Ors v Kerajaan Negeri Sarawak and another appeal [2011] 6 MLJ 297, MP (dirujuk)

Bhandulananda v Jayatilake [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, MP (dirujuk)

Bun Lit Chun v PP [2014] 7 CLJ 416, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan [2014] 1 MLJ 363, MR (dirujuk)

Puganeswaran a/l Ganesan & Ors v Public Prosecutor and other appeals [2020] 12 MLJ 165, MP (dirujuk)

A *Rames a/l Arumugam v Public Prosecutor and another appeal* [2023] 4 MLJ 497, MR (dirujuk)
Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v Public Prosecutor [1988] 3 MLJ 485, MT (dirujuk)
B *Verschures Creameries, Limited v Hull and Netherlands Steamship Company, Limited* [1921] 2 KB 608, MR (dirujuk)
Wong Swee Chin v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

C Kanun Keseksaan ss 376, 376A, 376(B), 376B(1)

Mohd Nazri bin Omran (Timbalan Pendakwa Raya, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.
Rodzim Zulkifli (Rodzim Zulkifli & Partners) bagi pihak tertuduh.

D **Wendy Ooisu Ghee PK:**

PENGENALAN

E **[1]** Ini adalah rayuan daripada perayu terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu pada 28 Ogos 2023 iaitu hukuman penjara 15 tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan bagi pertuduhan di bawah s 376A Kanun Keseksaan ('KK').

F **[2]** Pertuduhan terhadap perayu adalah berbunyi sedemikan:

> Bahawa kamu pada 23/03/2020, jam tebih kurang 0800 hrs, bertempat di No 2–24, Pangsapuri Seri Mesra, Jalan Bahagia 29, Taman Seri Bahagia Selangor, di dalam Daerah Hutu Langat, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melakukan persetubuhan dengan Nur Syafiqah bt Nasuha KP: 001113–07–0510 yang mana
G perhubungan kamu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang hukum agama yang terpakai kepada kamu untuk berkahwin dengannya. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 376A Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dtbawah seksyen 376B(1) Akta yang sama.

H KES PENDAKWAAN

[3] Seramai sembilan orang saksi pendakwaan telah dipanggil sebagaimana yang disenaraikan di bawah ini:

I (a) SP1: Nur Syafiqah bt Nasuha — mangsa;

(b) SP2: Koperal Mohd Ariff bin Hazmi — jurugambar;

(c) SP3: Norhaslina bt Nasuha — kakak sulung mangsa;

(d) SP4: Syamil Amzar bin Ja'is — teman lelaki mangsa;

(e) SP5: Nasuha bin Kat Moin — bapa mangsa;

(f) SP6: Dr Siti Hajar bt Omar — pegawai perubatan di Jabatan Obstetrik dan Ginekoiogi, Hospital Kajang;

(g) SP7: Mohamad Fazli bin Zain — pegawai tadbir Daerah Seberang Perai Tengah;

(h) SP8: Dr Naomi Sim Enyi — pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan; dan

(i) SP9: Inspektor Norhuda bt Baharudin — pegawai penyiasat.

[4] Secara ringkasnya kes pendakwaan adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya dengan beberapa olahan.

[5] SP1 (mangsa) adalah seorang pelajar di Uni-efield International College, Mantin, Negeri Sembilan. Ekoran perintah kawalan pergerakan fasa pertama (PKP-Fasa 1), SP1 telah diarahkan untuk mengosongkan asramayang didiami beliau di Pajam, Negeri Sembilan.

[6] Oleh kerana tidak dapat balik ke rumahnya di Pulau Pinang, SP1 telah diambil oleh kakaknya Norazira bt Nasuha (SD2) dan dibawa ke apartment kakaknya yang beralamat di No 2–24, Pangsapuri Seri Mesra, Jalan Bahagia 29, Taman Seri Bahagia Selangor, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan ('apartment tersebut').

[7] Apartment tersebut adalah disewa oleh SD2 dan perayu memandangkan kedua-dua perayu dan SD2 baru mendirikan rumahtangga mereka pada 20 Februari 2020.

[8] Pada 23 Mac 2020 jam lapan pagi, SP1 sedang tidur di dalam sebuah bilik di apartment tersebut. Pada masa itu, SP1 demam dan tidak sihat kerana baru lepas mencabut gigi gerahamnya.

[9] Menurut keterangan SP1, semasa SP1 sedang tidur di dalam biliknya itu, perayu telah datang mengetuk pintu bilik dan menyuruh SP1 pergi ke bilik satu lagi iaitu bilik kakaknya dan perayu ('bilik kakaknya'). SP1 hanya membuka pintu biliknya dan menyambung tidur balik sebab tidak sihat.

[10] Kemudian perayu datang semula dan dalam kali kedua ini, beliau telah *check* suhu SP1. Perayu juga menyuruh SP1 tidur lagi di bilik kakaknya tetapi SP1 berkata 'tak apa saya tidur sahaja dekat sini?'.

[11] Selepas itu, perayu datang lagi buat kali ketiga dan seperti hendak

A mengangkatkan SP1. SP1 telah memberitahu perayu 'tak apa saya boleh pergi sendiri'. Oleh itu, SP1 telah pergi ke bilik kakaknya.

[12] Menurut SP1, sepanjang PKP-Fasa 1, setiap kali kakaknya (SD2) pergi kerja, SP1 akan disuruh oleh SD2 untuk tidur di bilik kakaknya kerana menurut SD2, bilik yang didiami SP1 adalah panas.

[13] Oleh itu, pada hari kejadian, SP1 pun masuk ke bilik kakaknya kerana beliau ingatkan kakaknya masih di rumah dan beliau yang menyuruhnya berbuat demikian. Dalam keadaan yang tak larat sangat-sangat, SP1 pun bangun dan pergi tidur di bilik kakaknya itu.

[14] Semasa SP1 sedang tidur menggiring menghadap ke dinding, SP1 rasa seperti ada orang yang duduk dekat di belakangnya. SP1 ingatkan itu adalah kakaknya (SD2) disebabkan apabila SD2 *off,* beliau akan tidur bersama SP1. Seterusnya, perayu telah memegang SP1 daripada belakang dan tarik pusingkan SP1 dengan memegang bahu kanan SP1 untuk terlentangkan beliau.

[15] Kemudian perayu telah menyatakan 'ada sahaja adik ipar yang tidur dengan abang ipar'. SP1 terkejut, takut dan tidak tahu nak buat apa. Seterusnya perayu duduk dan cakap. 'biar pecah diperut, jangan pecah dimulut'. Kemudian kedua-dua tangan perayu telah memegang kedua-dua buah dada SP1. SP1 macam menolak perayu dan perayu telah bercakap 'biasakan, biasakan'.

[16] Seterusnya, perayu terus membuka baju dan seluar dia sendiri. Selepas itu, perayu telah membuka dan seluar dalam SP1 secara paksa sekaligus SP1 telah berkata 'saya tak nak, saya tak nak'. Tapi perayu tetap juga membukanya.

[17] Apabila perayu telah berbogel, perayu telah masukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP1 secara paksa. SP1 berasa takut dan menutup matanya. SP1 juga berasa sakit di kemaluannya. SP1 tidak cuba lari kerana dia fikir jikalau dia berbuat demikian mungkin perayu akan bertindak agresif terhadapnya dan memukulnya. SP1 juga tidak melawan kerana terlalu takut.

[18] Selepas itu perayu cuba untuk masukkan kemaluannya lagi tapi susah. Oleh itu, perayu telah meletakkan *lotion* di kemaluan SP1 dan seterusnya perayu masukkan kemaluannya secara paksa. Perbuatan perayu telah menyebabkan SP1 merasa sakit di bahagian kemaluannya. Selepas itu perayu menyuruh SP1 mandi dan membasuh pakaiannya.

[19] Menurut SP1, kemaluannya berdarah dan dalam masa dua hari baru

darah itu hilang. Selepas kejadian itu berlaku, SP1 telah menelefon teman lelakinya bernama Syamil Amzar bin Ja'is (SP4). Dalam perbualan telefon, SP1 telah memberikan *clue* kepada SP4 di mana SP1 telah berkata 'yang saya ini dan tak suci dah, saya dah tak ada apa-apa'.

[20] Selepas itu, pada jam 9.30 pagi hari yang sama, SP1 telah menelefon kakak sulongnya yang bernama Norhaslina bt Nasuha (SP3). Dalam perbualan dengan SP3, SP1 telah mengajak SP3 mengambilnya dari rumah SD2.

[21] Pada sekitar 12 tengahari hari yang sama, SP3 telah datang membawa SP1 balik ke rumahnya di Puchong, Selangor untuk tinggal bersamanya. Menurut SP3, sepanjang SP1 menetap di rumahnya itu, SP1 sering berada dalam bilik tidur dan menangis. Apabila ditanyakan, SP1 menjawab beliau tidak sihat. SP3 tidak bertanya lanjut disebabkan beliau ingatkan punca sakit SP1 adalah kerana cabut gigi.

[22] Pada 27 Mac 2020 jam tiga pagi, SP1 telah memberitahu SP3 apa yang telah dilakukan oleh perayu ke atas dirinya pada 23 Mac 2020. Keesokan hari iaitu pada 28 Mac 2020, SP3 telah membawa SP1 ke Hospital Kajang, Selangor,

[23] Di sana, SP1 telah diperiksa oleh pegawai perubatan di Jabatan Kecemasan Dr Naomi Sim Enyi (SP8). Hasil pemeriksaan SP8 adalah 'Hymen: Fresh tear present at 4 o'clock, redness and minimal bleeding'.

[24] Selanjutnya, SP1 juga diperiksa oleh pegawai perubatan di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Kajang iaitu Dr Siti Hajar bt Omar (SP6). Hasil pemeriksaan SP6 telah dinyatakan dalam laporan pemeriksaan awal (eksh P11) dan laporan perubatannya (eksh P12) yang mana dinyatakan seperti berikut:

> Examination done on 28/3/2020 in OSCC room revealed fresh tear at 4 o'clock, with redness and minimal bleeding and also abrasion at posterior fourchette. Urinary pregnancy test done negative.

[25] Satu laporan polis turut dibuat oleh SP1 iaitu Repot No Bt 9 Cheras/4548/20 (eksh P4).

[26] Menurut keterangan Nasuha bin Kat Moin (SP5) iaitu bapa kepada SP1, kedua-dua SP1 dan SD2 adalah adik-beradik berdasarkan sijil kelahiran SP1 (eksh P1) dan sijil kelahiran SD2 (eksh P10). Selanjutnya, SD2 pula telah bernikah dengan perayu pada 20 Februari 2020 berdasarkan Sijil Perakuan Nikah No Siri: PG0568 (eksh P9). Pernikahan ini juga telah disahkan oleh pegawai tadbir Daerah Seberang Perai Tengah Mohamad Fazli bin Zain (SP7).

[27] Pada akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati pihak responden telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri.

KES PEMBELAAN

[28] Perayu (SD1) telah memberi keterangan secara bersumpah. Perayu juga telah memanggil satu orang saksi pembelaan yang lain iaitu isteri perayu (SD2).

[29] Secara ringkasnya perayu telah menafikan pertuduhan terhadapnya.

[30] Menurut perayu, pada 23 Mac 2020 pada jam tujuh pagi, beliau telah menghantar isterinya (SD2) ke rumah kawan isterinya di taman berhampiran untuk isterinya menumpang kawan isterinya pergi ke tempat kerjanya di IPK Kuala Lumpur.

[31] Perayu telah kembali ke apartment tersebut pada jam lebih kurang 7.20 pagi lalu masuk ke biliknya untuk berehat. Pada pukul 7.40 pagi, isterinya (SD2) menghubunginya melalui panggilan video ('video call') untuk memberitahunya bahawa beliau telah sampai ke tempat kerjanya.

[32] Antara jam lapan pagi hingga 8.15 pagi yang sama, SD2 sekali lagi menghubungi perayu melalui panggilan *video call*. Selepas menamatkan panggilan tersebut, perayu telah tidur berehat sehingga isteri beliau menghubungi perayu semula pada pukul 11 pagi. Dan pada waktu tersebut perayu berpesan pada SD2 untuk mengejutkannyanya sebelum Zohor untuk beliau bersiap-siap pergi kerja.

[33] Menurut perayu, dari waktu pagi semasa beliau keluar bersama isterinya sehingga jam 11 pagi, perayu tidak berjumpa SP1. Hanya pada waktu tengahari semasa perayu sedang makan, SP1 telah keluar dari biliknya di mana perayu pun mengajak SP1 duduk makan sekali. Oleh itu, perayu hanya berjumpa dengan SP1 pada waktu tersebut.

[34] SD2 pula memberikan keterangan bahawa semasa beliau membuat panggilan-panggilan video kepada suaminya (perayu), beliau nampak perayu berseorangan di dalam bilik kelamin mereka dan keadaan perayu masih mamai dan muka beliau seperti baru bangun tidur.

DAPATAN HAKIM BICARA

[35] Di penggulungan perbicaraan, setelah mempertimbangkan kesemua keterangan-keterangan yang dikemukakan, hakim bicara telah membuat

dapatan bahawa pembelaan perayu adalah suatu penafian kosong semata-mata, maka perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes responden.

[36] Oleh itu, perayu telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah s 376A KK dan dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan.

[37] Terkilan dengan keputusan hakim bicara, perayu telah memfailkan notis rayuan pada 28 Ogos 2023.

RAYUAN

[38] Dalam petisyen rayuan, pihak perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman berdasarkan alasan-alasan berikut, iaitu hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila:

(a) memutuskan dan membuat kesimpulan untuk memanggil perayu membela diri bagi suatu kesalahan di bawah s 376A KK sedangkan berdasarkan kepada keterangan kes, responden telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap perayu;

(b) memutuskan untuk menerima sepenuhnya keterangan SP1 berkaitan kejadian yang dikatakan berlaku sedangkan keterangan SP1 tidak disokong oleh keterangan saksi-saksi lain;

(c) gagal untuk mempertimbangkan percanggahan-percanggahan material yang wujud di dalam keterangan SP1, saksi-saksi lain dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan ketika perbicaraan terutamanya laporan pemeriksaan awal P11 dan laporan perubatan P12;

(d) gagal untuk memberi penilaian maksima serta memberi pertimbangan yang salah terhadap keterangan SP6 berkaitan isu koyakan baru (*fresh tear*) dan koyakan lama (*old tear*);

(e) gagal mengambil kira putusnya rantaian keterangan yang serius di dalam kes responden berdasarkan ekshs P11 dan P12 yang telah dikemukakan;

(f) menerima sepenuhnya keterangan yang diberikan oleh SP1 yang dikatakan disokong oleh SP6 tanpa mengambil kira percanggahan-percanggahan yang material di dalam keterangan yang telah diberikan;

(g) gagal mempertimbangkan percanggahan-percanggahan yang berlaku dan ekshibit yang dikemukakan telah menimbulkan inferen yang menyebelahi perayu;

(h) gagal mempertimbangkan siasatan pegawai penyiasat SP9 telah dibuat

secara tidak menyeluruh dan tidak komprehensif;

(i) memutuskan bahawa pembelaan perayu adalah bersifat penafian kosong semata-mata;

(j) gagal untuk menghargai dan mempertimbangkan keterangan perayu dan SD2 yang tidak dicabar;

(k) menolak pembelaan perayu sedangkan perayu telah dengan jelas menimbulkan suatu pembelaan yang sah di sisi undang-undang dan dengan jelas juga telah menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes responden;

(l) memberi pertimbangan yang salah berkaitan kegagalan perayu untuk memanggil sebarang saksi pakar;

(m) menolak keterangan SD2 dan seterusnya memutuskan bahawa SD2 adalah saksi berkepentingan tanpa membuat pertimbangan yang sewajarnya, yang mana dengan kekhilafan itu menjadikan hakim yang bijaksana membuat pendekatan yang tidak bertepatan dengan prinsip penilaian maksimum;

(n) menjatuhkan hukuman yang terlampau berat ('manifestly excessive') terhadap perayu;

(o) gagal memberi pertimbangan yang seimbang di antara kepentingan awam dan kepentingan peribadi perayu;

(p) gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap faktor-faktor mitigasi semasa menjatuhkan hukuman terhadap perayu; dan

(q) hukuman yang dijatuhkan di mahkamah terbuka adalah tidak selari dengan alasan penghakiman yang diberikan.

DAPATAN MAHKAMAH INI

[39] Biarpun petisyen rayuan mengandungi 17 alasan-alasan, namun alasan-alasan tersebut adalah berhubung kait dengan beberapa isu sebagaimana dinyatakan di bawah ini.

Isu berkaitan kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP1 (mangsa)

[40] Hakim bicara telah mendapati pihak responden berjaya membuktikan elemen pertama iaitu perayu telah melakukan persetubuhan dengan SP1 (mangsa) dengan berlandaskan keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan SP6 dan laporan perubatannya (eksh P12).

[41] Berkaitan dapatan ini, pihak perayu telah menghujahkan bahawa hakim bicara terkhilaf kerana menerima sepenuhnya keterangan SP1 mengenai isu kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluan SP1. Dalam ertikata lain, pihak perayu menghujahkan hakim bicara telah terkhilaf apabila membuat dapatan bahawa perayu telah melakukan persetubuhan dengan SP1.

[42] Menurut pihak peguambela, semasa pemeriksaan balas, SP1 mengakui beliau tidak tahu sama ada kemaluan perayu telah masuk ke dalam kemaluannya kerana beliau telah menutup matanya pada masa kejadian.

[43] Biarpun demikian, dari pengamatan nota keterangan di peringkat pemeriksaan semula, SP1 telah menyatakan seperti berikut (sila lihat ms 218 rekod rayuan Jld 2(B)):

> Q: Ok, seterusnya peguam tanya pada kamu macam mana kamu tahu itu kemaluan dan kamu kata, 'tak tahu tapi sebab saya rasa'. Boleh kamu jelaskan?
>
> A: Rasa kulit yang masuk.
>
> Q: Lagi?
>
> A: Mustahil lah kalau alat rasa lain dan kalau manusia lain sebab dia rapat dengan saya dan mustahil untuk benda itu alat lain.

[44] Peguambela perayu juga tidak membuat apa-apa cadangan kepada SP1 bahawa sebenarnya adalah jari perayu dan bukannya kemaluan yang masuk ke dalam kemaluan SP1. Tanpa cadangan tersebut, maka mahkamah tidak boleh membuat dapatan tentang kemungkinan tersebut.

Isu berkaitan koyakan baru dan lama di selaput dara

[45] Hakim bicara telah membuat dapatan bahawa keterangan SP1 (mangsa) tentang kejadian persetubuhan antara perayu dan beliau telah disokong oleh keterangan SP6 dan laporan perubatannya (eksh P12).

[46] Dapatan ini telah dipertikaikan oleh pihak perayu yang menghujahkan bahawa sebenarnya keterangan SP6 dan laporan perubatannya (eksh P12) tidak menyokong keterangan SP1, sebaliknya menyokong keterangan perayu.

[47] SP6 iaitu doktor dari Jabatan Obstetrik dan Ginekologi ('Jabatan O&G') Hospital Kajang telah memeriksa SP1 pada 28 Mac 2020 dan mendapati terdapat kesan koyakan baru ('fresh tear') di selaput dara ('hymen') SP1.

[48] Berkaitan isu koyakan, pihak perayu telah menghujahkan kejadian rogol dikatakan berlaku pada 23 Mac 2020 manakala SP1 hanya membuat

laporan polis dan mendapatkan pemeriksaan doktor di Hospital Kajang Selepas lima hari iaitu pada 28 Mac 2020.

[49] Dengan berlandaskan pengesahan daripada pakar-pakar dari Jabatan O&G serta dalam kes-kes terdahulu yang diputuskan oleh mahkamah, adalah dihujahkan bahawa koyakan yang berlaku lebih daripada tempoh 72 jam adalah merupakan koyakan lama.

[50] Dalam pada itu, pihak peguambela menghujahkan kejadian yang dikatakan berlaku pada 23 Mac 2020 tidak akan menghasilkan koyakan baru sebagaimana yang didapati oleh SP6 memandangkan kejadian tersebut adalah lebih daripada 72 jam sebelum pemeriksaan SP6. Oleh yang demikian, adalah dihujahkan keterangan SP6 dan laporan perubatannya (eksh P12) sebaliknya telah menyokong keterangan perayu.

[51] Pengamatan nota keterangan menunjukkan berkaitan dengan isu koyakan baru dan lama ini, SP6 telah memberi keterangan bahawa maksud koyakan baru ialah apabila koyakan tersebut masih merah dan ada pendarahan. Sebaliknya koyakan lama akan kelihatan sembuh, tiada merah dan tiada pendarahan.

[52] Apabila ditanya tentang berapa lama tempoh untuk koyakan baru bertukar menjadi koyakan lama, SP6 telah menjelaskan bahawa setiap orang mempunyai masa yang berbeza untuk proses penyembuhan, maka beliau tidak dapat memberi komen waktu berlakunya kecederaan tersebut serta tidak dapat menentukan bila koyakan baru akan bertukar menjadi koyakan lama (sila lihat pemeriksaan utama SP6 di ms 393–394 rekod rayuan Jld 2(B)).

[53] Biar pun demikian, semasa pemeriksaan balas, SP6 telah bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa koyakan baru secara kebiasaannya berlaku apabila kejadian yang berlaku pada kemaluan tersebut adalah dalam tempoh 48 jam atau pun paling lama pun dalam tempoh 72 jam.

[54] Pemeriksaan balas SP6 tentang isu ini yang dinyatakan di ms 412–413 rekod rayuan Jld 2(C) adalah dinyatakan semula di bawah ini:

> Q: Saya katakan kepada Doktor bahawa fresh tear ini kebiasaanya berlaku apabila kejadian yang berlaku pada kemaluan tersebut adalah dalam tempoh 48 jam atau pun paling lama pun dalam tempoh 72 jam, *kebiasaannya*?
>
> A: Ya, *kebiasaannya*. (Penekanan ditambah.)

[55] Namun, SP6 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela perayu bahawa pakar-pakar dari Jabatan O&G serta dalam kes-kes terdahulu yang

diputuskan oleh mahkamah telah mengesahkan koyakan yang berlaku lebih daripada tempoh 72 jam adalah merupakan koyakan lama.

(Dan di ms 413 rekod rayuan Jld 2(C).)

> Q: Pakar-pakar ini juga telah *mengesahkan* bahawa koyakan yang berlaku lebih daripada tempoh 72 jam *adalah* merupakan koyakan lama, setuju atau tidak setuju?
>
> A: *Tidak setuju*.
>
> Q: Balk, saya juga menyatakan bahawa isu koyakan baru ini adalah kurang daripada 72 jam dan lepas 72 jam ini *dianggap* sebaga koyakan lama dan ada juga disahkan oleh Pakar-Pakar lain di dalam kes-kes terdahulu yang diputuskan oleh Mahkamah, setuju atau tidak setuju?
>
> A: Betul. (Penekanan ditambah.)

[56] Dan selanjutnya apabila diperiksa semula, SP6 telah memberikan penjelasan-penjelasan seperti berikut sebagaimana dinyatakan di dalam ms 426–427 rekod rayuan Jld 2(C):

> Q: Puan cadangan yang diberikan oleh pihak peguam adalah lebih daripada 72 jam adalah koyakan lama, jadi Puan 'tak setuju' kenapa Puan tak setuju di mana kalau lebih daripada 72 jam Pakar-Pakar menyatakan ia adalah koyakan lama?
>
> A: Sebab kita tiada bukti saintifik pukul berapa luka itu bertukar daripada fresh kepada old.
>
> Q: Boleh Puan jelaskan sebentar tadi pihak peguam mencadangkan tempoh koyakan sekiranya selepas 72 jam adalah koyakan lama disahkan oleh Pakar seperti kes-kes yang diputuskan Mahkamah dan saksi 'setuju'. Jadi soalan saya kenapa Puan bersetuju dengan cadangan peguam?
>
> A: Dalam kes-kes sebelum ini apabila kita melihat pesakit melebihi 72 jam *kebiasaannya* pemeriksaan mendapati sekiranya ada koyakan, koyakan berupa old tear.

[57] Oleh itu, dari jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh SP6, mahkamah ini mendapati ia bukan satu 'hard and fast rule' bahawa selepas 72 jam dari masa kejadian, koyakan yang wujud adalah koyakan lama.

[58] Dapatan ini adalah satu dapatan secara am ('general finding'). Ini jelas dilihat dari penggunaan perkataan 'kebiasaannya' oleh SP6 di dalam jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan beliau apabila disoal tentang isu koyakan baru dan lama.

[59] Selanjutnya, sebagai contoh, kes *Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 485 adalah satu kes di mana para doktor telah membuat dapatan koyakan baru biarpun koyakan dan kelecetan telah berlaku dalam tempoh satu minggu.

[60] Tertuduh dalam kes tersebut telah dituduh di bawah s 376 KK bagi kesalahan merogol mangsa pada 24 April 1986 dan 9 Mei 1986. Dalam menolak rayuan tertuduh, Zakaria Yatim J telah mengulas dapatan doctor yang telah memeriksa mangsa kes tersebut sebagaimana sebahagian penghakimannya adalah seperti berikut:

> From her evidence on each occasion they had sexual intercourse there was penetration. The doctor who examined her on *13 May 1986* told the court below that there was a *fresh tear* of the hymen. The abrasion at fourchette was recent. *The tear and the abrasion happened within a week*. According to the doctor, one of the causes of the tear in the hymen and the abrasion at fourchette was sexual intercourse. Another doctor examined the appellant on 19 May 1986. He conducted a potency test on the appellant and he found that the appellant was able to have an erection. In his opinion the appellant was able to have sexual intercourse. (Penekanan ditambah.)

[61] Sememangnya bidang perubatan tidak boleh disamakan dengan bidang-bidang lain, misalannya, bidang matematik yang mempunyai jawapan yang tetap. Sebagai contoh, 1+1=2. Jawapan 2 ini adalah tetap dan tidak berubah.

[62] Sebaliknya, bidang perubatan bergantung kepada banyak faktor disebabkan tidak akan ada keputusan tetap ataupun sama yang akan dicapai biarpun rawatan yang sama diberikan. Ini adalah kerana daya ketahanan serta kadar kesembuhan seseorang adalah berbeza disebabkan 'body constitution' masing-masing adalah berlainan.

[63] Maka, berdasarkan huraian-huraian di atas, hujahan perayu berkaitan isu ini adalah tidak bermerit.

[64] Justeru itu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila menerima keterangan SP6 dan laporan perubatan (eksh P12) sebagai bukti sokongan keterangan SP1 (mangsa).

Isu berkaitan ketiadaan keputusan vaginal swab

[65] Selanjutnya, menurut SP6, beliau telah membuat *vaginal swab* di kemaluan SP1 dan sampel tersebut telah diserahkan kepada Inspektor Nicky untuk tindakan selanjutnya. Namun, tiada apa-apa keterangan dikemukakan oleh pihak responden mengenai sampel tersebut. Dalam pada itu, pihak perayu telah menghujahkan tentang kegagalan tersebut.

[66] Isu ini tidak disentuh oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya. Biarpun demikian, bagi pembuktian elemen persetubuhan, adalah memadai sekiranya dikemukakan keterangan mengenai 'penetration'

atau pun kemasukan. Berkaitan pembuktian 'penetration' ini pun, ia tidak semestinya bermaksud kemasukan penuh ('full penetration') sebelum elemen tersebut dibuktikan.

[67] Malah, biarpun dalam kesalahan rogol sekalipun, kehadiran air mani bukanlah merupakan satu keperluan undang-undang bagi membuktikan kesalahan tersebut. Bagi kesalahan rogol, apa yang diperlukan ialah kemasukan ('penetration') dan bukannya terpancutnya air mani ('ejaculation').

[68] Dapatan mahkamah ini adalah berlandaskan kepada penghakiman Zawawi Salleh HMR dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363 yang antara lain, menyatakan seperti berikut:

> [31] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa bagi membuktikan kesalahan rogol, kemasukan penuh kemaluan ke dalam faraj (*vagina*) dan terkeluarnya air mani adalah tidak diperlukan.

[69] Oleh yang demikian, adalah dapatan mahkamah ini bahawa hujahan pihak perayu mengenai isu ketiadaan keputusan *vaginal swab* ini adalah tidak bermerit.

Isu berkaitan kredibiliti SP1

[70] Pihak perayu telah mempertikaikan kredibiliti SP1 dan menghujahkan tentang percanggahan-percanggahan dalam keterangan SP1 misalannya:

(a) alasan SP1 bahawa beliau tidak melarikan diri dari apartment tersebut/tempat kejadian kerana itu adalah hari pertama beliau di situ dan beliau tidak tahu kawasan di situ sedangkan SP1 juga menyatakan bahawa beliau telah tinggal di apartment tersebut semenjak hari pertama perintah kawalan pergerakan fasa pertama ('PKP Fasa-1') pada 18 Mac 2020; dan

(b) keterangan SP1 yang bercanggahan dengan kandungan laporan polisnya (eksh P4) khasnya mengenai posisi perayu serta sama ada baju SP1 dibuka sepenuhnya atau tidak semasa kejadian itu berlaku.

[71] Berkaitan percanggahan keterangan SP1 ini, rujukan adalah dibuat kepada kes *Rames a/l Arumugam v Public Prosecutor and another appeal* [2023] 4 MLJ 497 di mana Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

> [23] It is trite that discrepancies in a witness testimony does not right away make him an unreliable witness and make the whole of his evidence unacceptable (see *Mohamed Alias v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 172; [1981] 1 LNS 200, *Chean Siong Guat v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 63; [1969] 1 LNS 23, *Public Prosecutor v Dato'Harun ldris* [1979] 1 MLJ 15).

[72] Dalam pada itu, percanggahan keterangan tersebut adalah tidak *fatal* sehingga mengakibatkan kredibiliti SP1. Ini adalah keterangan SP1 mengenai kejadian yang telah berlaku turut disokong oleh keterangan SP6 serta laporan perubatannya (eksh P12). Malah, keterangan SP3 (kakak sulung mangsa) serta SP4 (teman lelaki SP1) turut menyokong keterangan SP1.

[73] Hakim bicara juga telah berpeluang melihat dan menilai kredibiliti setiap saksi pendakwaan semasa mereka memberi keterangan di mahkamah, khasnya *demeanour* SP1 (mangsa),

[74] Berbanding dengan mahkamah ini, hakim bicara yang mempunyai kelebihan audio-visual terhadap setiap saksi semasa mereka memberi keterangan di mahkamah telah dapat membuat penilaian yang lebih tepat berhubung kredibiliti mereka. Dalam erti kata lain, hakim bicara yang mempunyai lebihan ('advantage') melihat *demeanour* SP1 telah memutuskan untuk menerima keterangan SP1.

[75] Selanjutnya, perlu dinyatakan di sini bahawa pertuduhan terhadap perayu adalah kesalahan sumbang mahram dibawah s 376A KK dan dihukum di bawah s 376B(1) Kanun yang sama.

[76] Bagi kemudahan rujukan dan kefahaman, s 376A dan s 376B KK adalah dinyatakan semula di bawah ini:

> 376A Sumbang mahram.
>
> Seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seorang leiaki atau seorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain di mana hubungan lelaki dan perempuan itu adalah tidak dibenarkan, di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu.
>
> 376B Hukuman bagi sumbang mahram.
>
> (1) Barang siapa yang melakukan sumbang mahram hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan.
>
> (2) lanya hendaklah menjadi pembelaan kepada tuduhan terhadap seseorang di bawah seksyen ini sekiranya dibuktikan —
>
> (a) bahawa lelaki atau perempuan itu tidak mengetahui bahawa orang yang lelaki atau perempuan itu mengadakan persetubuhan itu adalah seorang yang hubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki atau perempuan tersebut untuk berkahwin dengan orang itu; atau

(b) bahawa perbuatan persetubuhan telah dilakukan tanpa persetujuan lelaki atau perempuan itu.

(3) Huraian — seseorang yang di bawah enam betas tahun, jika seorang perempuan, atau di bawah tiga belas tahun, jika seorang lelaki hendaklah dianggap tidak mampu untuk memberi persetujuan.

[77] Di dalam rayuan ini, perayu tidak dituduh dengan kesalahan rogol di bawah s 376 KK. Maka, hujahan-hujahan pihak perayu berkaitan ketiadaan kesan lebam di peha SP1 akibat cubaan perayu membukanya biarpun ditutup rapat oleh SP1 ataupun koyakan di baju SP1 adalah tidak releven.

[78] Begitu juga dengan hujahan pihak perayu bahawa tiada cubaan SP1 untuk melarikan diri Selepas kejadian malah berada dalam apartment yang sama dengan perayu selama empat jam iaitu sehingga SP3 datang membawanya pergi dari apartment tersebut.

[79] Keterangan mengenai kesan lebam, koyakan serta usaha melarikan diri dari pesalahlaku hanya releven dalam kes-kes rogol yang melibatkan elemen kerelaan perempuan (mangsa) tersebut.

[80] Sebagai bandingan, elemen-elemen yang perlu dibuktikan dalam kesalahan sumbang mahram adalah persetubuhan di antara lelaki dan perempuan di mana hubungan mereka berdua ini adalah tidak dibenarkan, di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu.

[81] Isu kerelaan perempuan bukan satu elemen yang perlu dibuktikan di bawah kesalahan sumbang mahram ini.

Isu berkaitan keterangan SP1 yang highly improbable and incredible

[82] Pihak perayu telah merujuk kepada laporan perubatan (eksh P13) yang disahkan oleh SP8 (doktor) bahawa berdasarkan cerita SP1 kepadanya, kejadian itu berlaku selama dua jam iaitu dari pukul lapan pagi hingga sepuluh pagi pada 23 Mac 2020 (sila lihat ms 463–464 rekod rayuan Jld 2(C)).

[83] Dalam pada itu, pihak perayu telah menghujahkan keterangan SP1 mengenai kejadian rogol tersebut adalah 'highly improbable and incredible' memandangkan SP1 masih boleh membuat panggilan-panggilan telefon kepada SP4 (teman lelaki) serta SP3 (kakak sulongnya) di antara jam sembilan pagi hingga 9.30 pagi iaitu dalam tempoh masa kejadian itu berlaku.

[84] Berkaitan isu ini, biarpun keterangan-keterangan ini tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara, namun, setelah meneilti nota-nota keterangan, mahkamah ini mendapati hujahan pihak perayu berkaitan isu ini adalah tidak bermerit. Alasannya adalah sebagaimana dinyatakan di bawah ini.

[85] Menurut kertas pertuduhan, tarikh dan masa dalam pertuduhan adalah pada '23 Mac 2020 jam lebih kurang 0800 hours' iaitu jam lebih kurang lapan pagi. Manakala waktu-waktu yang dihujahkan oleh pihak perayu berkaitan panggilan-panggilan telefon adalah pada jam sembilan pagi hingga 9.30 pagi, iaitu sekurang-kurangnya satu jam selepas kejadian tersebut berlaku.

[86] Selanjutnya, biarpun pihak perayu bergantung kepada keterangan SP8 dan laporan perubatannya (eksh P13) bahawa kejadian itu berlaku selama dua jam antara lapan pagi hingga sepuluh pagi, namun, pihak peguambela sendiri telah mempersoalkan kebenaran pernyataan itu.

[87] Ini dapat dilihat daripada soalan yang ditujukan kepada SP8 di ms 467 rekod rayuan Jld 2(C) yang dinyatakan semula di bawah ini:

> Q: Baik, sekali lagi saya akan tanya pada Doktor soalan yang hampir sama semua yang ada di bahagian sejarah ini kesemua yang Doktor tulis di bahagian sejarah ini adalah cerita daripada Syafiqah, betul?
>
> A: Betul.
>
> Q: Doktor boleh bersetuju dengan saya kalau sekiranya Syafiqah menipu Doktor ketika temuduga tersebut maka apa yang ada di bahagian sejarah ini tak betul lah?
>
> A: Betul.

[88] Juga, daripada keseluruhan keterangan SP8 serta laporan perubatannya (eksh P13), pihak perayu hanya memilih untuk menerima cerita SP1 kepada SP8 bahawa kejadian itu telah berlaku dari lapan pagi hingga sepuluh pagi pada 23 Mac 2020.

[89] Dengan pengecualian bahawa kejadian itu berlaku selama dua jam antara lapan pagi hingga sepuluh pagi, keseluruhan cerita mengenai kejadian tersebut telah dinafikan oleh pihak perayu. Tujuan pihak perayu berbuat demikian adalah untuk mencabar kredibiliti SP1 di atas alasan keterangan SP1 adalah *highly incredible* dan *improbable* berdasarkan hujahan-hujahan perayu yang dinyatakan sebelum ini.

[90] Dalam pada itu, ia jelas menunjukkan pihak perayu telah memilih bahagian cerita SP1 yang memjhak kepada perayu sahaja daripada keseluruhan cerita SP1.

[91] Perbuatan pihak perayu ini adalah bertentangan dengan prinsip am

approbate and reprobate atau dalam bahasa mudah 'blowing hot and cold at the same time' terhadap cerita SP1. Dalam erti kata lain, pihak perayu tidak boleh mengambil pendirian yang saling bercanggahan antara satu sama lain.

[92] Prinsip am ini telah dinyatakan dalam penghakiman Scrutton LJ dalam kes *Verschures Creameries, Limited v Hull and Netherlands Steamship Company, Limited* [1921] 2 KB 608 sebagaimana ia dinyatakan semula di bawah ini:

> A plaintiff is not permitted to 'approbate and reprobate'. The phrase is apparently borrowed from the Scotch law, where it is used to express the principle embodied in our doctrine of election — namely, that no party can accept and reject the same instrument: *Ker v Wauchope* (1); *Douglas-Menzies v Umphelby* (2). The doctrine of election is not however confined to instruments. *A person cannot say at one time that a transaction is valid and thereby obtain some advantage, to which he could only be entitled on the footing that it is valid, and then turn round and say it is void for the purpose of securing some other advantage*. That is to approbate and reprobate the transaction. (Penekanan ditambah.)

[93] Mahkamah Persekutuan daiam kes *Bato Bagi & Ors v Kerajaan Negeri Sarawak and another appeal* [2011] 6 MLJ 297 telah merujuk dan menyatakan persetujuannya terhadap penghakiman Scrutton LJ tersebut.

Isu berkaitan perayu sebagai kambing hitam dan mangsa keadaan

[94] Pihak perayu juga telah menghujahkan tentang isu kemungkinan SP1 telah melakukan hubungan seks dengan orang lain dan perayu dijadikan kambing hitam dan mangsa keadaan.

[95] Berkaitan isu ini, keterangan saksi-saksi responden menunjukkan pada masa kejadian yang berlaku pada 23 Mac 2020, negara kita berada di bawah PKP Fasa-1 ekoran wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia, Oleh itu, pergerakan rakyat dari rumah juga adalah terhad tertakluk kepada banyak syarat tertentu. Pergerakan merentas daerah dilarang apatah lagi pergerakan negeri, kecuali kebenaran melintas daerah/negeri dari pihak-pihak yang berkenaan diperolehi terlebih dahulu.

[96] Di bawah keadaan sedemikian dan sebagaimana yang dinyatakan dalam keterangan SP3, setelah beliau menjemput SP1 ke rumahnya di Puchong, Selangor, SP1 berada dalam rumahnya sepanjang masa sehingga pada 28 Mac 2020 di mana SP1 telah dibawa untuk permeriksaan doktor di Hospital Kajang.

[97] Tiada keterangan yang dikemukakan oleh SP3 atau mana-mana saksi pendakwaan lain bahawa sepanjang masa SP1 berada di rumah SP3, SP1 telah keluar dari rurnah tersebut samada ada secara berseorangan dan/atau bersama kawan-kawannya yang lain.

[98] Sebaliknya, menurut keterangan SP3, sepanjang masa SP1 berada di rumahnya, SP1 kerap berada dalam biliknya dalam keadaan murung dan menangis. Apabila ditanya, SP1 telah memberitahu bahawa beliau tidak sihat. Memandangkan SP1 baru cabut gigi, maka SP3 telah berandaian itu adalah punca perangai SP1 di rumahnya.

[99] Dalam pada itu, tanpa keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa SP1 pernah keluar rumah semasa menetap di rumah SP3, maka mahkamah ini tidak boleh membuat andaian bahawa perkara tersebut telah berlaku.

[100] Tambahan pula, sepanjang SP1 dan SP3 memberi keterangan, peguambela perayu tidak sekali pun mencabar atau mencadangkan ('put across to') kepada mereka bahawa SP1 telah keluar dari rumah SP3 samada secara berseorangan dan/atau bersama-sama dengan kawan-kawannya yang lain semasa SP1 berada di rumah SP3 sehingga tarikh pemeriksaan doktor pada 28 Mac 2020.

[101] Kegagalan memeriksa balas SP1 dan SP3 tentang perkara tersebut oleh pihak pembelaan berjumlah kepada penerimaan keterangan SP3 tentang tingkahlaku dan keberadaan SP1 sepanjang masa di rumah SP3 (sila lihat kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212).

[102] Juga, memandangkan waktu tersebut adalah PKP Fasa-1, maka SP4 (teman lelaki SP1) yang berada di Negeri Johor langsung tidak dapat berjumpa dengan SP1. Keberadaan SP4 di Johor tidak dipertikaikan oleh peguambela pihak perayu. Malah, pihak peguambela sendiri yang mengakui SP4 berada di Negeri Johor tidak datang pun tengok SP1 biarpun SP1 memberitahunya beliau dalam kesakitan selepas berlakunya kejadian tersebut.

[103] Dalam pada itu, dari manakah wujudnya peluang untuk SP1 melakukan hubungan seks dengan orang lain?

[104] Seterusnya, masyarakat kita masih memupuk nilai-nilai murni dan konservatif tentang kesucian seseorang anak dara. Dalam erti kata lain, kesucian seseorang anak gadis adalah suatu perkara yang penting dan tidak boleh dipandang ringan.

[105] Lebih-lebih lagi, SP1 adalah seorang pelajar berumur 19 tahun (pada masa kejadian) dengan masa depan yang cerah, mempunyai teman lelaki (SP4) dan keluarga yang amat menyayanginya serta pertalian rapat dengan kakak-kakaknya termasuk isteri perayu (SD2). Malah menurut SD2, SP1 adalah adik kandung yang paling rapat dengannya.

[106] Oleh yang demikian, tidak ada sebab munasabah untuk SP1 mengorbankan kesemua ini serta mengkhianati kakaknya (SD2) di samping menghancurkan rumahtangga kakaknya yang baru didirikan satu bulan sebelumnya, semata-mata untuk menjadikan perayu kambing hitam.

[107] Memandangkan kesalahan di bawah s 376A KK adalah satu kesalahan seksual di mana SP1 adalah mangsa/pengadu, adalah tidak mudah untuk SP1 memberikan keterangan tentang kejadian tersebut di mahkamah. Ini dapat dilihat daripada beberapa insiden yang mana SP1 telah tidak dapat meneruskan dengan keterangannya sebagai saksi pendakwaan.

[108] Oleh itu, isu perayu dijadikan kambing hitam dan mangsa keadaan adalah tidak bermerit.

[109] Berdasarkan huraian-huraian di atas, mahkamah ini tidak bersependapat dengan hujahan pihak perayu bahawa elemen kemasukan ('penetration') masih belum dibuktikan oleh pihak responden.

[110] Dalam pada itu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila mendapati pihak responden berjaya membuktikan elemen pertama (iaitu perayu melakukan persetubuhan dengan SP1) berdasarkan keterangan SP1 yang disokong oleh keterangan SP6 dan laporan perubatannya (eksh P12).

[111] Seterusnya, memandangkan petisyen rayuan dan penghujahan pihak perayu tidak menyentuh tentang elemen kedua iaitu pertalian SP1 dengan perayu, ternyata, hakim bicara adalah betul apabila memutuskan elemen kedua tersebut telah dibuktikan oleh pihak responden. Maka elemen kedua tersebut tidak akan diulas di dalam rayuan ini.

[112] Dalam pada itu, dengan terbuktinya kedua-dua elemen dalam pertuduhan terhadap perayu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu sepertimana dalam pertuduhan dan memanggil perayu untuk membela diri.

Isu berkaitan pembelaan adalah penafian kosong semata-mata

[113] Adalah dihujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dalam memutuskan pembelaan perayu sebagai penafian kosong semata-mata.

Namun, setelah meneliti nota-nota keterangan dan alasan penghakiman, mahkamah ini mendapati hakim bicara telah membuat dapatan yang betul.

[114] Ini adalah kerana peguambela perayu sendiri telah dengan secara tidak langsung mengakui SP1 telah memasuki bilik kelamin mereka. Ini dapat dilihat daripada persoalan-persoalan yang ditujukan kepada SP1 di dalam pemeriksaan balas (sila lihat ms 117 rekod rayuan Jld 2(A)):

Q: Kamu kata asalnya kamu tidur di bilik yang satu lagi, betul?

A: Ya.

Q: Rujuk ID2(A-F). Dalam gambar ini (6) keping gambar, ada tak gambar bilik yang kamu sebut kamu tidur? Yang asalnya kamu tidur itu ada tak gambar bilik itu?

A: Tak ada.

Q: *Kamu bangun sendiri dan pergi ke bilik dan seterusnya kamu telah baring sepertimana yang kamu tandakan dalam gambar ID2(F) ini, betul*?

A: *Betul*. (Penekanan ditambah.)

[115] Juga di ms 135–136 rekod rayuan Jld 2(A):

Q; Saya katakan bahawa baju ini yang melekat dengan darah ini daripada atas tilam sepertimana gambar 102(F), betul tak?

A: Ya.

Q: Masa kena itu lagi baju itu memang dah berdarah, betul? A : Atas tilam...

Q: Atas tilam macam dalam gambar ID2(F), kamu kata yang kamu kena tarik baju apa semua?

A: Masa saya bangun

Q: Ya lah, masa dekat atas tilam lagi sebab baju kamu memang atas tilam ini, betul?

A: Ya.

[116] Dan selanjutnya di ms 137 rekod rayuan Jld 2(A):

Q: Kalau saya *cadangkan* bahawa bila dekat atas tilam ini, masa dekat atas tilam ini lah kemaluan kamu mula berdarah, setuju?

A: Setuju.

Q: Dan saya juga katakan sebab kamu bersetuju dengan *cadangan saya, kemaluan kamu mula berdarah dekat atas tilam maka dekat atas tilam ini juga akan ada kesan darah*?

A: Betul. (Penekanan ditambah.)

[117] Bagi mengelakkan apa-apa kekeliruan, bilik kelamin perayu ini telah dirujuk sebagai bilik kakaknya semasa kes pendakwaan.

[118] Justeru itu, pengesahan-pengesahan dan cadangan-cadangan dari pihak peguambela tersebut berjumlah kepada pengakuan oleh pihak perayu bahawa SP1 telah pergi ke bilik kelamin perayu, telah baring di atas tilam dalam gambar P2(F) dan kemaluan SP1 mula berdarah dekat atas tilam yang mengakibatkan atas tilam juga ada kesan darah.

[119] Dalam pada itu, pihak perayu telah mewujudkan percanggahan materia dalam keterangannya sendiri kerana menurut perayu, beliau hanya berjumpa SP1 pada waktu tengahari sewaktu beliau sedang makan tengahari (sila lihat ms 578 rekod rayuan Jld 2(C)). Dan sebelum itu, perayu hanya berseorangan di dalam bilik kelaminnya.

[120] Sekiranya keterangan perayu adalah benar, mengapakah pula terdapat kesan darah SP1 di atas tilam dalam bilik kelamin perayu?

[121] Ternyata keterangan perayu adalah satu penafian kosong, seandainya tidak, masa kan peguambelanya akan membuat cadangan-cadangan tersebut kepada SP1.

[122] Selanjutnya, keterangan perayu mengenai panggilan-panggilan video antara perayu dan isterinya (SD2) pada hari kejadian pada jam 7.30 pagi dan 8.15 pagi ('panggilan-panggilan video tersebut') juga tidak pernah dibangkitkan dan/atau dicadangkan ('put across to') kepada mana-mana saksi pendakwaan, khasnya SP1.

[123] Sememangnya perayu tidak dibebankan untuk membuktikan ketidakbersalahannya, namun adalah prinsip am undang-undang bahawa seseorang tertuduh harus membangkitkan dan/atau mencadangkan pembelaannya seawal mungkin di peringkat pendakwaan. Kegagalan berbuat demikian mungkin menyebabkan mahkamah bicara menolak suatu pembelaan sebagai pemikiran terkemudian, rekaan atau penafian semata-mata,

[124] Ini adalah sebagaimana yang ditekankan oleh YA Abdul Hamid Embong JCA di Mahkamah Persekutuan dalam *Puganeswaran a/l Ganesan & Ors v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 12 MLJ 165**:**

> Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

[125] Dalam pada itu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan pembelaan perayu adalah penafian kosong semata-mata dan mendapati perayu adalah bersalah dan mensabitkan perayu dengan kesalahan sepertimana yang dipertuduhkan.

Isu hukuman

[126] Berkaitan dengan hukuman, pihak perayu telah menghujahkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlampau berat. Malah juga dihujahkan bahawa tarikh bermulanya hukuman penjara adalah berbeza antara keputusannya di mahkamah terbuka (iaitu dari tarikh jatuh hukum) dengan dalam alasan penghakimannya (iaitu dari tarikh tangkap).

[127] Berkaitan isu ini, biarpun wujud perbezaan sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak peguambela, namun, tidak ada prejudis kepada perayu memandangkan keputusan yang diberikan di mahkamah terbuka adalah sama dengan perintah mahkamah bertarikh 28 Ogos 2023 ('perintah tersebut') (sila lihat ms 9 Jld 1 rekod rayuan).

[128] Alasan penghakiman bertarikh 25 Mac 2024 pula adalah alasan yang disediakan oleh hakim bicara ekoran notis rayuan yang difailkan. Walau apa jua pun ('in any event) perintah tersebut yang akan dikuatkuasakan oleh pihak penjara dan bukannya alasan penghakiman hakim bicara.

[129] Oleh itu, penghujahan peguambela berkaitan isu ini adalah tidak bermerit.

[130] Berkaitan dengan penghujahan bahawa hukuman adalah terlampau berat pula, adalah tidak dinafikan kesalahan di bawah s 376A KK adalah suatu kesalahan yang serius di mana hukuman yang diperuntukkan di bawah s 376(B) KK adalah pemenjaraan adalah tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan.

[131] Dalam pada itu, hukuman pemenjaraan selama 15 tahun dari tarikh jatuh hukum dan tiga sebatan sebagaimana yang dijatuhkan oleh hakim bicara ke atas perayu masih di dalam ruang lingkup s 376(B) KK.

[132] Oleh itu, adalah dapatan mahkamah ini hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah tidak keterlaluan ('manifestly excessive') sebaliknya adalah setimpal dengan kesalahan perayu. Oleh yang demikian, mahkamah ini enggan campur tangan dan membuat pengubahan terhadap hukuman tersebut yang telah dijatuhkan setelah hakim bicara mempertimbangkan faktor-faktor pemberatan dan mitigasi perayu.

[133] Sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam *Bun Lit Chun v Public Prosecutor* [2014] 7 CLJ 416 fakta bahawa mahkamah lain mungkin menjatuhkan hukuman yang berbeza bukanlah alasan untuk mahkamah rayuan campur tangan jika mahkamah perbicaraan menggunakan prinsip yang betul dalam penilaian hukumannya.

[134] Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bhandulananda v Jayatilake* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139 juga telah menegaskan:

> Therefore, sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.

KESIMPULAN

[135] Setelah mahkamah ini mengkaji semula nota-nota keterangan serta alasan penghakiman, mahkamah ini mendapati hakim bicara telah membuat inferens yang sah dari penilaian maksima keseluruhan fakta dan keterangan-keterangan sebenar *@ actual evidence* di hadapannya. Hakim bicara juga telah berpeluang melihat dan menilai kredibiliti setiap saksi pendakwaan dan pembelaan semasa mereka memberi keterangan di mahkamah.

[136] Dengan berpandukan undang-undang yang relevan kepada penemuan/dapatan fakta berkenaan, hakim bicara telah membuat keputusan betul apabila mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara prima facie di peringkat pendakwaan, memanggil perayu untuk membela diri serta mensabitkan perayu.

[137] Oleh itu tidak ada sebarang alasan untuk mahkamah ini menganggu keputusan hakim bicara. Maka mahkamah dengan ini menolak rayuan perayu. Sabitan dan hukuman hakim bicara dikekalkan.

Rayuan ditolak. Sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju